

12/09/2003

Bajet 2004 dijangka tingkat dana penyelidikan

Mohd Feroz Abu Bakar

KERAJAAN dijangka meningkatkan jumlah dana bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam Bajet 2004 yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang ini.

Pengarah Sains dan Teknologi (S&T), Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Prof Dr Mohd Ali Hashim, berkata peningkatan itu selaras dengan perancangan kerajaan menyediakan peruntukan kira-kira 1.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KNDK) untuk R&D.

Sambil menyatakan anggaran pelaburan tambahan bagi dana R&D sehingga 2010 ialah RM2 bilion, beliau berkata;

"Ketika ini, nisbah perbelanjaan penyelidikan negara ialah 0.5 peratus daripada KDNK dan jumlah ini masih rendah berbanding negara lain. Contohnya, Singapura menyediakan 1.6 peratus, Korea Selatan (2.0), Switzerland (2.8), Jepun (2.8) dan Amerika Syarikat (2.9).

"Di bawah Dasar S&T Negara Kedua dan Pelan Tindakan, kerajaan akan mengambil inisiatif khas bagi meningkatkan pelaburan R&D sektor awam dan swasta," katanya ketika ditemui Berita Harian, baru-baru ini.

Dr Mohd Ali berkata, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyediakan dana R&D menerusi Skim Peningkatan Penyelidikan Bidang Keutamaan (Irpa), Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MGS) dan Skim Geran Aplikasi Penunjukcara (DAGS).

Beliau berkata, dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), kerajaan menyediakan dana R&D sebanyak RM1.6 bilion.

Daripada jumlah itu, katanya, RM1 bilion dikhaskan untuk Irpa dan jumlah itu menunjukkan peningkatan ketara, iaitu melebihi 30 peratus berbanding RM755 juta bagi Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000).

"Peruntukan IGS juga meningkat 100 peratus kepada RM200 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) berbanding RM100 juta bagi Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7).

"Dana MGS juga meningkat kepada RM200 juta dalam RMK8 berbanding RM100 juta (RMK7), manakala DAGS daripada RM50 juta kepada RM100 juta dalam tempoh sama," katanya.

Dr Mohd Ali berkata, R&D adalah kegiatan utama dalam meningkatkan penajaan produk, proses, perkhidmatan atau penyelesaian baru.

Katanya, kerajaan pula berperanan memperkenalkan persekitaran yang sesuai dan kondusif bagi industri melabur dalam R&D dan pembangunan teknologi lain.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihak industri perlu menyokong usaha kerajaan dalam kegiatan R&D dengan meningkatkan pelaburan dan pembiayaan.

"Institusi kewangan dan syarikat modal teroka perlu bersedia menawarkan dana untuk menaja R&D dan kegiatan pembangunan teknologi yang dijalankan. Syarikat antarabangsa pula perlu digalakkan untuk menjalankan aktiviti R&D terutama dalam bidang teknologi baru.

"Dalam aspek ini, Bahagian S&T bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) dan Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi (Might) untuk mengenal pasti bidang teknologi dan kepakaran yang sesuai bagi meningkatkan pelaburan asing," katanya.